

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING  
[ KULAI ]**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status dan butiran tentang Projek Sistem Transit Rapid (RTS) yang menghubungkan stesen Bukit Chagar, Johor Bahru dengan Stesen Woodlands. Nyatakan kos projek, kontraktor utama, tarikh bermula dan tarikh siap?

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek *Rapid Transit System Link* (RTS Link) yang merupakan keretapi rentas sempadan yang menghubungkan Stesen Bukit Chagar, Johor Bahru dengan Stesen Woodlands North di Singapura kini dalam pembangunan di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) setelah projek ini disambung semula oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura pada 30 Julai 2020. Kerja-kerja awalan RTS Link telah dimulakan oleh kontraktor lantikan Malaysia Rapid Transit System Sdn. Bhd. (MRTS) sejak awal bulan Januari 2021 dan projek ini kini mencapai kemajuan 100% di fasa rekabentuk (*design*) infrastruktur dan fasa awal pembinaan projek pada pertengahan November 2021.

Jumlah kos keseluruhan pembiayaan bagi projek *Rapid Transit System Link* (RTS Link) ini adalah sebanyak RM3,715,000,000 (termasuk GST). Kontraktor utama yang dilantik bagi projek RTS Link ini adalah Adil Permata Sdn Bhd (APSB) sebagai kontraktor untuk infrastruktur dari lantikan pihak Malaysia Rapid Transit System Sdn. Bhd. (MRTS) dan beberapa kontraktor untuk membekalkan peralatan-peralatan system dari lantikan RTS Operations Pte. Ltd. Tarikh projek RTS Link ini bermula adalah pada 1 Ogos 2020 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2026.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada SJKC, SJKT, SMJK, Sekolah Mubaligh, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan untuk tujuan bil elektrik, air dan pembedungan bagi tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 masing-masing.

**JAWAPAN****Ahli Yang Berhormat,**

Berdasarkan kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas peruntukan kepada sekolah kerajaan (SK) dan pada masa yang sama, Kerajaan juga boleh memberi sumbangan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan (SBK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sekolah berstatus SBK, Kerajaan menyediakan peruntukan utiliti termasuk bil elektrik dan air terhad sehingga RM5,000 sebulan. Bermula tahun 2020, skop bil utiliti diperluaskan bagi bayaran pembedungan.

Jumlah peruntukan tahunan utiliti yang disediakan bagi tempoh 2018 hingga 2021 untuk sekolah berstatus SBK, termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK), Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
2018	41,352,277
2019	43,716,663
2020	35,890,066
2021	47,216,800
<b>JUMLAH</b>	<b>168,175,806</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan utiliti ini disalurkan berdasarkan permohonan sekolah dengan kadar tidak melebihi RM5,000 sebulan meliputi bil elektrik, air dan pembedungan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [KULAI]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a)peruntukan untuk tujuan pembinaan dan perpindahan SJKC masih diteruskan pada tahun 2020 dan 2021; dan
- (b)sekolah-sekolah yang menerima sumbangan kewangan dari MOF pada tahun 2020 dan 2021 dan jumlah yang diterima oleh setiap sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching [ PH-DAP: Kulai] di atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi pembinaan dan perpindahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) masih diteruskan pada tahun 2020 dan 2021. Agihan peruntukan ini ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada sekolah-sekolah yang layak. Ini termasuk peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan yang lain bagi memastikan suasana pembelajaran kondusif. Penyaluran peruntukan ini merangkumi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Rakyat dan sekolah-sekolah lain yang telah dikenalpasti oleh KPM.

Sekian, terima kasih.